



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

KENYATAAN MEDIA

**TAMATNYA RUNDINGAN ANTARA MALAYSIA DAN SINGAPURA
BERKENAAN PROJEK KERETAPI LAJU KUALA LUMPUR-
SINGAPURA**

Awal pagi ini, Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura telah mengumumkan tamatnya Perjanjian Dua Hala berkenaan Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura.

Terma-terma Perjanjian Dua Hala yang telah ditandatangani pada tahun 2016 tidak lagi berdaya maju untuk diteruskan oleh Malaysia berikutan penularan pandemik Covid-19 yang telah memberi kesan teruk kepada ekonomi sekaligus menjelaskan kedudukan fiskal negara. Bermula akhir 2018, Kerajaan Malaysia telah meneliti beberapa alternatif yang bertujuan untuk menurunkan kos keseluruhan projek ini. Penelitian semula ini semakin menjadi keutamaan Kerajaan semenjak pandemik Covid-19 ini berlaku.

Lanjutan daripada itu, bermula pertengahan tahun 2020 yang lalu, Kerajaan Malaysia telah mengemukakan beberapa cadangan perubahan bagi mengurangkan kos keseluruhan projek ini. Cadangan-cadangan tersebut termasuklah perubahan kepada struktur projek, jajaran dan reka bentuk stesen. Struktur projek yang asal memerlukan jumlah Jaminan Kerajaan (Government Guarantees) yang besar dan untuk tempoh yang panjang. Cadangan struktur projek yang baharu ini juga akan memberikan Kerajaan fleksibiliti dalam memilih opsyen pembiayaan projek termasuklah melalui kaedah pembayaran tertangguh, usaha sama awam dan swasta serta kemungkinan mendapatkan akses kepada pembiayaan pada kadar yang munasabah.

Lebih penting lagi, cadangan perubahan struktur projek ini dijangka dapat mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Berdasarkan cadangan baharu yang dikemukakan, projek ini akan dimulakan pembinaannya dua tahun lebih awal berbanding perancangan asal. Ini akan memberikan rangsangan yang amat diperlukan oleh sektor pembinaan dan juga industri lain yang berkait rapat dengan sektor ini.

Mengambil kira perubahan-perubahan ini, kedua-dua negara telah mengadakan perbincangan sepanjang beberapa bulan yang lepas bagi memperjelaskan pendirian masing-masing. Walau bagaimanapun, tiada persetujuan dicapai mengenai perubahan-perubahan yang dicadangkan. Dengan itu, Perjanjian Dua Hala berkenaan Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura telah luput pada 31 Disember 2020.

Malaysia akan menghormati terma-terma Perjanjian Dua Hala. Kedua-dua negara akan mengambil tindakan yang perlu untuk menentukan jumlah pampasan.

Seterusnya, Kerajaan akan melaksanakan kajian terperinci yang akan meliputi kesemua opsyen termasuk daya maju projek keretapi laju domestik serta manfaatnya kepada rakyat.

Hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura amat rapat. Kita akan terus memperkuatkkan hubungan ini termasuk mempertingkatkan kesalinghubungan antara kedua negara, demi faedah bersama.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

1 Januari 2021